

Ekonomi Malaysia Dijangka Berkembang 5.3 Peratus Tahun Ini
Bernama
03 Januari, 2013

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 5.3 peratus tahun ini, dengan mengambil kira kuasa domestik yang mungkin mengimbangi kelemahan dalam sektor luaran.

Malaysian Rating Corp Bhd (MARC) berkata prestasi pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) akan sekali lagi bergantung kepada momentum ekonomi global, yang pada ketika ini telah diselubungi oleh prospek pemulihan dalam zon euro.

Ia berkata bagaimanapun, sentimen pengguna yang agak berdaya tahan menunjukkan bahawa pertumbuhan KDNK pada tahun 2013 mungkin akan bergerak dalam trend pertumbuhan jangka panjang Malaysia sebanyak lima peratus.

"Andaikan sentimen keyakinan dikekalkan dan pasaran buruh terus agak stabil, kami menjangka penggunaan swasta dapat mencatatkan satu lagi pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 6.2 peratus pada 2013, perlahan sedikit daripada anggaran pertumbuhan tahun ini sebanyak 7.5 peratus," kata MARC dalam laporan Tinjauan Masa Depan Ekonomi 2013: Mengekalkan Teras Domestik Dalam Ketidakpastian Global di sini Khamis.

MARC berkata permintaan domestik Malaysia mungkin akan kekal berdaya tahan di tengah-tengah kenaikan sumbangan daripada pelaburan swasta dan penggunaan swasta.

"Berdasarkan trend baru-baru ini, momentum dalam pelaburan swasta adalah perkara utama kepada kemungkinan menaik prestasi KDNK Malaysia pada 2013, walaupun pengguna memainkan peranan utama dalam menyokong ekonomi.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=919283>